

18 JUN 1997

Abu Zahar - Jambatan

MELAKA CADANG JAMBATAN MALAYSIA-INDONESIA DIBINA DI MELAKA

MELAKA, 18 Jun (Bernama) -- Kerajaan negeri Melaka akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan pusat supaya jambatan merentangi Selat Melaka bagi menghubungkan Malaysia dan Indonesia dibina di sini.

Ketua Menteri Datuk Abu Zahar Isnin berkata kerajaan negeri akan mengemukakan cadangan itu dengan menyediakan laporan kajian lengkap mengenai kesesuaian kawasan dan sebagainya.

"Kita telah menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengendalikan kajian berkenaan dan penyediaan kertas cadangan kepada pusat," katanya pada sidang media selepas mempengerusi mesyuarat Exco kerajaan negeri hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini berkata jambatan yang dirancangkan itu akan turut dilengkapi dengan kemudahan laluan keretapi, paip saluran gas dan kabel elektrik.

Dr Mahathir berkata jambatan itu akan berfungsi pelbagai guna bagi memastikan ia membawa faedah besar kepada rakyat kedua-dua negara dan cadangan projek itu telah dipersetujui oleh kerajaan Indonesia.

Abu Zahar berkata jabatan dan agensi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) dan Jabatan Perancang Bandar telajh diarah supaya menjalankan kajian itu.

"Kita mesti lebih pro-aktif dalam merancang pembangunan negeri...projek jambatan itu merupakan projek yang akan membawa manfaat besar kepada rakyat di sini dan negara,"

Ketua Menteri berkata beliau percaya kerajaan negeri Johor dan Negeri Sembilan juga akan mengemukakan cadangan yang sama dan "kita bersedia untuk bekerjasama jika perlu,"

Katanya, kawasan sesuai bagi pembinaan jambatan itu mungkin terletak samada di sekitar sempadan Melaka - Negeri Sembilan atau Johor dan adalah lebih baik jika kajian dan cadangan bersama disediakan.

Sementara itu mengenai usaha meningkatkan penyertaan Melaka dalam projek IMS-GT, Abu Zahar berkata antara langkah yang dirancang ialah meningkatkan kerjasama dalam industri pelancongan dan pengangkutan.

Kerajaan negeri akan merancang untuk mewujudkan perkhidmatan pengangkutan laut antara Melaka-Singapura dan Indonesia bagi kemudahan pelancong disamping menyediakan pakej-pakej pelancongan yang lebih menarik, katanya. --BERNAMA

MOZ WAT